

26 DEC 2000

Mahathir-Rombakan

MAHATHIR NAFI DESAS-DESUS ROMBAKAN KABINET

PUTRAJAYA, 26 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak bercadang merombak Kabinet yang ada sekarang di masa terdekat ini.

"Saya rasa tidak," kata beliau apabila diminta mengulas mengenai desas-desus akan berlaku rombakan Kabinet tidak lama lagi.

Semasa bercakap kepada BERNAMA dalam satu temubual eksklusif di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini, Dr Mahathir berkata beliau tidak faham mengapa terdapat pandangan yang ada antara Menteri Kabinet tidak menjalankan tugas dengan baik.

"Saya dapati mereka telah diberi tanggungjawab dan mereka menjalankan tugas masing-masing."

"Lagipun, saya bukan orang yang menyelesaikan masalah dengan melucutkan jawatan orang. Saya tidak melakukannya di pejabat saya ataupun dalam Kabinet," kata Perdana Menteri.

Ini kali kedua Dr Mahathir menyentuh mengenai kemungkinan rombakan Kabinet sejak akhbar Utusan Malaysia pada 18 Dis lepas melaporkan hampir 50 peratus daripada anggota Kabinet, termasuk Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen akan terlibat dalam rombakan itu.

Dalam membalas laporan Utusan pada waktu itu, Dr Mahathir dipetik sebagai berkata tidak akan berlaku rombakan besar-besaran tetapi hanya secara kecil-kecilan membabitkan anggota-anggota pentadbiran kerajaan.

Semasa temubual selama sejam itu yang dikendalikan oleh Ketua Pengarang Bernama Jaafar Hussin, Dr Mahathir menjawab pelbagai soalan meliputi politik, ekonomi dan penguasaan bahasa Inggeris, khususnya bagi k-ekonomi.

Anggota-anggota panel ialah Pengarang Eksekutif Bernama Azman Ujang dan Penolong Pengarang E.Sivabalan.

Dr Mahathir berkata, jika beliau mendapati orang yang menjalankan tugas bersama beliau tidak menjalankan tugas dengan baik, maka ia adalah silap beliau.

"Jika saya tidak memastikan mereka berkhidmat dengan baik, maka itu juga silap saya," kata beliau.

Perdana Menteri berkata beliau mengenali dengan baik Menteri-menterinya dan mereka sering kali bersama-sama mengadakan perbincangan mendalam semasa mesyuarat Kabinet.

"Jika saya tidak boleh mendapatkan sumbangan maksimum daripada setiap Menteri, maka bermakna saya gagal dalam tugas saya dan jika saya gagal dalam tugas saya, anda boleh lihat kesannya kepada seluruh negara," kata beliau.

Mengenai seruan dari dalam dan luar Umno bahawa beliau perlu mengubah gaya kepimpinannya ekoran kekalahan tipis Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Lunas baru-baru ini, Dr Mahathir yang juga presiden Umno bertanya perubahan apa yang mereka mahu daripada beliau.

Dr Mahathir berkata beliau sedar yang kebanyakan daripada apa yang beliau lakukan tidak difahami dengan baik, khususnya mengenai proses membuat keputusan.

"Ramai yang berpendapat saya sendiri yang membuat segala keputusan. Tetapi keputusan-keputusan itu bukan kata putus saya, tetapi ia dibuat oleh Kabinet," kata Dr Mahathir.

Dalam kes Umno, ia dibuat oleh Majlis Tertinggi selepas perbincangan tidak terhad, katanya.

"Jadi, jikapun saya mengubah gaya kepimpinan saya dan yang lain pula

tidak mahu mengubah gaya mereka maka tiada perbezaan nanti," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

ES ES PR